

**UNGKAPAN PUITIKA ROMANTIK MELALUI  
PENGUNAAN SIMBOL: PERBANDINGAN PUISI  
JOHN KEATS DAN SANUSI PANE**

oleh

**TENGGU THYRHAYA ZEIN SINAR**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Jun 1998

## PENGHARGAAN

Perkenankan saya mengucapkan syukur kepada Allah Subahanahu Wataala yang telah mengurniakan rahmat-Nya serta kekuatan fisik dan semangat kepada saya untuk berikhtiar sehingga tesis ini dapat disempurnakan pada masa yang ditentu oleh-Nya.

Penghargaan utama dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya rakamkan untuk Professor Dr. Hj. Md. Salleh Yaapar selaku penyelia utama yang juga Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Professor Madya Dr. G. L. Koster selaku penyelia bersama dan Professor Madya Dr. Wong Soak Koon selaku bekas penyelia utama saya. Satu cantuman pengetahuan yang mendalam dan amat luas dalam bidang kesusasteraan yang saya perolehi daripada mereka adalah satu keuntungan akademik yang amat besar.

Terima kasih yang sama saya rakamkan untuk Dr. Darwis Mohamad Harahap yang sentiasa bersedia memberi bimbingan dari segi penyesuaian penggunaan bahasa dalam penulisan tesis ini. Dalam proses pengumpulan data, selain daripada Universiti Sains Malaysia, saya turut terhutang budi kepada pegawai-pegawai Universitas Sumatera Utara, Perpustakaan Perhimpunan Persahabatan Indonesia-Amerika (PPIA), Perpustakaan British Council Medan, Indonesia yang telah banyak memberi sumbangan terhadap kerja-kerja penyelidikan pada peringkat permulaan hingga ke peringkat penyempurnaan tesis ini. Sumbangan pendapat daripada Prof. Dr. Syed Hussein dari Pusat Bahasa Universiti Sains Malaysia, Prof. Dr. Sapardi Joko Damono dari Universitas Indonesia, Jakarta, sangat banyak membantu saya dalam proses analisis data. Maka dengan ikhlas saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka tersebut.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Badriyah Hj. Salleh yang sudi menjadi pengerusi saya ketika laporan kemajuan penyelidikan saya dibentangkan dalam sesi seminar Ijazah Tinggi di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada 4 November 1996. Banyak pandangan dan teguran yang sangat bermanfaat yang diperolehi daripada pensyarah-pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan calon-calon Ijazah Tinggi dari

pelbagai jabatan yang ikut hadir dalam seminar tersebut. Di sini juga saya rakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan akademik tersebut.

Terima kasih saya ucapkan kepada Bapak Prof. Dr. Chairuddin Lubis, DSA selaku Rektor Universitas Sumatera Utara yang telah memberi sokongan serta kemudahan dan membenarkan saya menjalankan kajian ini hingga selesainya. Keprihatinan daripada Bapak Drs. Hj. Ahmad Samin Siregar selaku Dekan Fakultas Sastera Universitas Sumatera Utara yang sentiasa memberi galakan kepada saya dari masa ke semasa diucapkan setinggi-tinggi penghargaan.

Akhir sekali ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam penyelenggaraan tesis ini.

\*\*\*\*\*

Jun 1998

## ABSTRAK

Tesis ini merupakan cubaan awal yang diadakan untuk mengisi kekosongan kajian kesusasteraan perbandingan di antara puisi-puisi Inggeris ciptaan John Keats dan puisi-puisi Indonesia ciptaan Sanusi Pane yang mengkhususkan kepada ungkapan-ungkapan puitika Romantik melalui penggunaan simbol yang terserap ke dalam ungkapan-ungkapan mereka dengan menggunakan pendekatan simbolik yang berdasarkan latar belakang kedua-dua penyair tersebut.

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti perlambangan simbolik yang diungkapkan oleh kedua-dua penyair romantik tersebut dan mengemukakan persamaan dan perbezaan ungkapan-ungkapan puitika dan penggunaan simbol yang terdapat dalam puisi-puisi pilihan kajian. Analisis ini memperlihatkan puitika romantik yang tersirat melalui simbol puisi daripada kedua-dua penyair berkenaan dan seterusnya mengesan persamaan dan perbezaan antara simbol-simbol khusus bagi ungkapan-ungkapan puitika mengikut latar belakang dan pengalaman hidup masing-masing. Data yang dijadikan bahan-bahan perbandingan dalam kajian dalam tesis ini dipilih daripada puisi-puisi romantik yang terdiri daripada empat puisi ciptaan John Keats dan sepuluh puisi ciptaan Sanusi Pane.

Kajian yang berdasarkan puisi-puisi berkenaan menemui penggunaan tujuh simbol yang sama iaitu: simbol burung, simbol bunga, simbol bintang, simbol pertapa, simbol warna hijau, simbol warna kelabu dan simbol warna putih dan menemui penggunaan beberapa simbol yang sama tetapi memiliki makna yang berbeza, di antaranya ialah simbol yang berkaitan dengan kematian dan simbol yang berkaitan dengan unsur alam imaginasi. Simbol-simbol tersebut telah diungkapkan untuk merujuk kepada objek-objek tertentu yang persis memiliki komponen makna yang sama. Selanjutnya diperoleh simbol-simbol yang berbeza tetapi memiliki makna puitika romantik.

\*\*\*\*\*

THE EXPRESSION OF ROMANTIC POETICS BY WAY OF  
SYMBOLS: A COMPARISON OF THE POEMS OF  
JOHN KEATS AND SANUSI PANE

ABSTRACT

This is a preliminary study aimed at fulfilling the vacuum in the study of comparative literature between English poetry of John Keats and Indonesian poetry of Sanusi Pane with special reference to Romantic poetic expressions through the use of symbols inherent in their expressions by using symbolic approach based on the background of the two poets.

The objective of this study is to identify the symbolic signs enumerated by the two romantic poets and to see the similarities and differences in their poetic expressions on selected poems. This analysis shows romantic poetics are hidden in the use of symbols by the two poets and also the similarities and differences between the symbols especially on poetic expressions based on the background and experiences of the poets. Data gathered as a source for comparison in this study are selected from four romantic poems of John Keats and ten poems of Sanusi Pane.

The study shows the use of seven similar symbols, that is, birds, flowers, stars, hermit and the colours of green, grey and white; whereas the use of several different symbols, such as symbols relate to death, imagination and elements of nature. These symbols are expressed in reference to particular objects that have same componential meaning.

\*\*\*\*\*

# KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vii
<b>BAB I: PENGENALAN</b>	
1.1 Pernyataan Masalah	1
1.2 Tujuan Kajian	8
1.3 Kepentingan Kajian	8
1.4 Bidang Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Bahan Kajian	11
1.6.1 Puisi-puisi John Keats	12
1.6.2 Puisi-puisi Sanusi Pane	12
1.7 Kriteria Pemilihan Bahan Kajian	12
1.8 Kaedah dan Pendekatan Kajian	14
1.9 Tinjauan Kajian Terdahulu	15
1.10 Pendekatan Simbolik	18
<b>BAB II : ROMANTISISME DALAM KESUSASTERAAN INGGERIS DAN KESUSASTERAAN INDONESIA</b>	
2.1 Pendahuluan	24
2.2 Konsep Romantisisme	24
2.3 Ciri-ciri Romantisisme	26
2.4 Praromantisisme	34
2.5 Bapak Kaum Romantik	35
2.6 Pergerakan Romantisisme	37
2.6.1 Romantisisme Jerman	37
2.6.2 Romantisisme Perancis	39
2.6.3 Romantisisme Inggeris	40
2.6.4 Romantisisme Belanda	41
2.6.5 Romantisisme Indonesia	42
2.6.5.1 Pengaruh Gerakan'80 Belanda	45
2.6.5.2 Tujuan Dalam Kesusasteraan Indonesia	48
2.6.5.3 Bahasa Perasaan	50
2.6.5.4 Individualisme	52
2.6.5.5 Mengenai Alam	52
2.6.5.6 Kembali ke Sejarah Gemilang	53
2.6.5.7 Semangat Romantik Indonesia	54
2.6.5.8 Semangat Perjuangan	54

**BAB III: PUISI JOHN KEATS DAN SANUSI PANE  
DALAM KONTEKS LATAR BELAKANG DAN TRADISI  
KESUSASTERAAN MASING-MASING**

3.1	Pendahuluan	57
3.2	John Keats	57
3.2.1	Ciri-ciri Khas Puisi John Keats	58
3.2.1.1	Pengaruh-pengaruh dalam Puisi John Keats	59
3.2.1.2	Persajakan	61
3.2.1.3	Minat Terhadap Mitologi	63
3.2.1.4	Pemerhatian Terhadap Alam	64
3.3	Sanusi Pane	65
3.3.1	Ciri-ciri Khas Puisi Sanusi Pane	66
3.3.1.1	Pengaruh-pengaruh dalam Karya Sanusi Pane	67
3.3.1.2	Persajakan	71
3.3.1.3	Minat Terhadap Mitologi	74
3.3.1.4	Pemerhatian Terhadap Alam	75

**BAB IV: PUITIKA KEPENYAIRAN JOHN KEATS  
DAN SANUSI PANE**

4.1	Pendahuluan	77
4.2	John Keats	79
4.2.1	Kehidupan yang Nyata	79
4.2.2	Percanggahan Idea	80
4.2.3	Empati	81
4.2.4	Rasa Kemanusiaan	82
4.3	Sanusi Pane	84
4.3.1	Nyanyian Jiwa	84
4.3.2	Unio-Mistika	87
4.3.3	Kolektivisme	88
4.3.4	Persatuan Timur dan Barat	89

**BAB V: UNGKAPAN PUITIKA ROMANTIK MELALUI  
PENGUNAAN SIMBOL: PERBANDINGAN  
PUISI JOHN KEATS DAN SANUSI PANE**

5.1	Pendahuluan	92
5.2	Puitika Romantik	93
5.2.1	Pemerhatian Terhadap Alam	93
5.2.2	Kecenderungan kepada Ungkapan Perasaan	112
5.2.3	Individualisme	133
5.2.4	Pemerhatian Terhadap Rasa Kemanusiaan	141
5.2.5	Bentuk Lirik	149
5.2.6	Penekanan pada Imajinasi	153
5.3	Simbol Sebagai Wahana	163
5.3.1	Simbol Burung	164
5.3.2	Simbol Bintang	169
5.3.3	Simbol Bunga	171
5.3.4	Simbol Warna Kelabu	175
5.3.5	Simbol Warna Hijau	176
5.3.6	Simbol Warna Putih	177

5.3.7	Simbol Pertapa	178
5.3.8	Perlambangan kepada Perihal Kematian	180
5.3.9	Perlambangan Sifat Pengembaraan	181
5.3.10	Perlambangan Unsur Agamawi	182
5.3.11	Perlambangan Mistik	182
5.3.12	Starry Fays	183
5.3.13	Dryad atau Nymph	183
5.3.14	A Fair Creature of an Hour	183
5.3.15	Laut	184
5.3.16	Tambur	184
5.3.17	Bhuta	184
5.3.18	Duka Nestapa	185

<b>BAB VI: PENUTUP</b>	<b>186</b>
------------------------	------------

<b>RUJUKAN</b>	<b>188</b>
----------------	------------

\*\*\*\*\*



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan merupakan alat untuk manusia menyalurkan perasaan dan fikiran melalui kata-kata yang dapat dianggap sebagai perantara jiwa pencipta dan alam. Perasaan yang dilahirkan melalui kata-kata ini sesuai untuk mempamerkan kebahagiaan, kesedihan dan perasaan-perasaan sampingan yang dialami oleh pencipta sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi. Dengan kata lain, kesusasteraan adalah segala perihal yang memperlihatkan segala sudut kehidupan manusia sama ada dari segi pengorbanan, percintaan, keberanian, kebaikan, keindahan, kejahilan dan sebagainya. Kehidupan yang dipaparkan dalam kesusasteraan semuanya adalah kehidupan-kehidupan yang berkaitan dengan manusia dan alam persekitaran. Walau bagaimanapun gambaran yang dicerminkan itu adalah untuk mempertingkatkan kesempurnaan nilai hidup yang bererti. Dengan menggunakan kata-kata yang sesuai dan indah, kesusasteraan boleh memberi kesan yang mendalam dan menarik minat pembaca hingga menimbulkan citarasa yang amat senang dan imaginasi mengikut fahaman masing-masing.

Dalam jalinan sesuatu karya, bahasa pada awalnya merupakan alat komunikasi yang digunakan dalam kehidupan harian, kemudian diperkaya hingga mempunyai nilai-nilai baru untuk menghasilkan karya yang lebih indah dan tinggi mutunya. Kebijaksanaan yang diiringi oleh pengetahuan dan pengalaman pengarang adalah satu-satunya yang dapat mendorong pembaca atau penerima karyanya menikmati keindahan isi pati yang disampaikan. Dalam memahami puisi seorang harus bersedia untuk menghadapi pelbagai erti yang ditimbulkan melalui makna, perasaan, nada dan niat.<sup>1</sup> Seorang penulis dalam karyanya tidak hanya berkata sesuatu (makna), menunjukkan sikap terhadap sesuatu

---

<sup>1</sup>Keempat istilah ini merupakan terjemahan dari *sense, feeling, tone and intention* yang dipergunakan oleh I. A. Richards dalam menjelaskan "The Four Kinds of Meaning" dlm. *Practical Criticism* (New York: Harcourt, Brace & World, Inc., 1929), hal. 173-181.

yang dikatakannya (perasaan), atau menunjukkan sikap terhadap pembacanya (nada), tetapi entah secara sadar atau tidak juga menuju pada sesuatu arah tertentu yang menjadi maksud hatinya (niat).

Didapati ada dua aspek penting dalam karya puisi iaitu aspek isi yang mengandungi gagasan, pemikiran, perasaan dan wawasan yang membawa sejumlah nilai dan aspek bentuk yang disebut sebagai aspek teknik perpuisian. Dua aspek tersebut tidak dapat dipisahkan kerana antara kedua-duanya saling terikat dan saling menentukan. Dalam beberapa hal, aspek isi dapat menentukan bentuknya. Satu hal yang perlu diingatkan ialah aspek isi yang mengandungi ungkapan, gagasan atau perasaan penyair hanya dapat diterima dan difahami oleh pembaca melalui bentuknya.<sup>2</sup>

Penyair adalah pencipta puisi. Asas-asas puisinya adalah puitika penyair atau lebih dikenali sebagai wawasan atau renungan tertentu tentang perkara-perkara yang mendasari penciptaan karya sastera. Perkataan 'puitika' berasal dari perkataan '*poiein*' yang di dalam bahasa Yunani bererti 'membuat' dan kemudian juga 'mencipta'. Merujuk kepada *A Handbook of Literary Terms*, 'puitika' adalah:-

*A system or body of theory concerning the nature of Poetry; the principles and rules of poetic composition. The term is used in two forms, poetic and poetics, with poetics the more common, both referring to the body of principles promulgated or exemplified by a poet or critic.*<sup>3</sup>

Puitika merupakan satu sistem atau teori yang berkenaan dengan hakikat puisi yang memiliki prinsip-prinsip ataupun kelaziman tertentu. Antara yang terkandung di dalam puitika adalah termasuk diantaranya asas-asas sastera misalnya isi yang memancarkan sifat atau ciri-ciri khas serta idea atau perasaan si penyair yang tentunya mencerminkan pandangan yang mewakili angkatan ataupun zamannya. Sedangkan aspek bentuk merupakan manifestasi dari semangat zaman yang mendukung aspek isi. Merujuk kepada

<sup>2</sup> *Ensiklopedi Nasional Indonesia*, ed., s.v "Puisi," oleh Jakob Sumardjo. (Jakarta: P.T Cipta Adi Pustaka, 1990)

<sup>3</sup> H.L. Yelland, S.C. Jones & K.S.W. Easton., *A Handbook of Literary Terms* (Sydney: Angus & Robertson Publishers, 1983), hal. 138.

bahagian utama daripada prinsip-prinsip, maka idea, kepercayaan, pengetahuan, kebiasaan dan pandangan yang tertuang di dalam karya si penulis merupakan manifestasi gaya zaman yang disebarluaskan dan diberikan contoh oleh si penyair. Penyair mahupun karyanya sebenarnya merupakan bahagian dari latar belakang kehidupan, lingkungan serta budayanya. Semua ini melekat dalam diri si penyair hingga terciptalah karya sastera yang menghasilkan gambaran kehidupan dirinya, kehidupan bangsanya dan kehidupan zamannya. Unsur-unsur yang dimiliki oleh si penulis inilah yang memperkaya sebuah karya hingga dinilai indah.

Proses penghayatan seorang pengarang dalam melahirkan karyanya berpangkal dari pengalaman yang bersumber pada persepsi, sama ada persepsi alamiah-faktual melalui daya-daya indera yang menggerakkan daya fikir, mahupun persepsi khayali yang menggerakkan daya imaginasi. Penghayatan rahsia yang diungkapkan dalam bentuk bahasa inilah kemudian disebut sebagai sebuah karya.

Karya sastera erat hubungannya dengan kejiwaan. Seorang penulis mencurahkan perasaan bahagia dan sedih ke dalam karyanya. Karya sastera telah wujud berdasarkan pengalaman si penulis baik mengalami suasana yang bahagia maupun gangguan yang menimpa jiwa manusia sehingga melahirkan penderitaan. Kesedihan itu menyebabkan manusia mencari semacam jalan untuk mengatasinya, agar ia dapat kembali kepada ketentraman atau keseimbangan. Dengan membuat atau menikmati karya seni, penyair mendapat jalan keluar dari penderitaannya. Pengalaman jiwa yang bercampur di antara penderitaan dan kebahagiaan menghasilkan sebuah karya sastera yang indah. Dengan terciptanya karya itu sempurnalah penghayatannya kerana penghayatan keindahannya itu dapat menemukan hakikatnya, yang utuh dan khas, dan terus hidup melalui bentuk karyanya. Hakikat penghayatan keindahan yang utuh dan khas itu dapat dikatakan sebagai perwujudan dari tangkapan dan idealisasi seorang pengarang atas keindahan yang universal. Hakikat penghayatan itu hanya menemukan bentuknya dalam proses penciptaan, dan ini disebut penghayatan poetik. Sedangkan hakikat dari penghayatan para pengarang, yang utuh, khas dan berbeza satu sama lain disebut *poetika*. Jadi istilah

*poetika* juga dimaksudkan untuk menunjuk pengertian tentang konsepsi keindahan seorang pengarang sebagaimana dijelaskan melalui karya-karyanya. Jadi dalam hal ini kiranya *poetika* tidak ditafsirkan secara konvensional sebagai ilmu tentang puisi tetapi yang lebih tepat adalah konsepsi keindahan seorang pengarang.<sup>4</sup>

Pada umumnya, puisi merupakan sarana yang paling sesuai untuk mengungkapkan perasaan atau keadaan hati. Gagasan ini berasal dari aliran Romantik yang bertolak daripada anggapan yang mengakui bahawa perasaan menjadi pusat perhatian sama ada dalam tradisi puisi barat mahupun tradisi sastera moden Indonesia. Puisi yang menyatakan perasaan merupakan pilihan yang utama.

Mengikut pandangan dunia romantik, pemusatan pada keakuan dan diri sendiri, daya imaginasi dan perasaannya yang kuat merupakan ciri utama bagi aliran ini. Si penyair akan memperlihatkan gambaran baru tentang dunia dengan menciptakan kembali dunia berasaskan imajinasinya. Oleh kerana kaum romantik bertolak dari 'aku' dan keadaan batin si aku, maka konsep sastera mereka menitik-beratkan kepada dua segi iaitu perasaan dan imaginasi.<sup>5</sup>

Ungkapan perasaan penyair yang merupakan penjelmaan daripada perpaduan jiwa penyair dengan kejadian di dalam alam semesta dan pengalaman hidup yang telah dipupuk oleh daya imaginasi mereka, disampaikan melalui perkataan-perkataan di dalam puisi yang disebut sebagai simbol. Sebagai suatu bentuk ungkapan sastera, puisi memiliki beberapa unsur di dalamnya. Unsur-unsur itu adalah imej, tema, metafora dan simbol. Simbol atau lambang adalah imej yang mampu berbicara mengenai hal lain. Simbol tidak menggantikan kedudukan imej tetapi memberi nilai tambah. Simbol banyak digunakan dalam karya yang berbentuk puisi. Penggunaan simbol dalam puisi pada dasarnya menimbulkan pertalian erat antara si penyair, pembaca dan puisi itu sendiri. Oleh itu simbol pastilah memiliki banyak makna yang merupakan ungkapan isi hati dan fikiran si penyair. Mengapa simbol perlu digunakan dalam puisi? Penyair berasa bahawa

<sup>4</sup> Andre Harjana., *Kritik Sastra Sebuah Pengantar* (Jakarta: PT Gramedia, 1991), hal. 15-17.

<sup>5</sup> Bagi penulis Romantik, adalah suatu hal yang mustahil apabila puisi lahir tanpa imaginasi. Lihat C.M Bowra., *The Romantic Imagination* (London: Oxford University Press, 1969), hal. 1.

perkataan-perkataan dari kehidupan sehari-hari belum memadai untuk diungkapkan agar makna yang hendak disampaikan kepada pembaca tercapai. Itulah sebabnya penggantian dengan benda lain atau simbol diperlukan.

Dalam bidang kesusasteraan didapati banyak kajian-kajian tentang puitika yang terdapat di dalam puisi penyair yang terkenal, yang dilakukan untuk diapresiasi mengikut pandangan masing-masing. Walau bagaimanapun kajian perbandingan terhadap puitika yang terungkap melalui simbol yang terdapat di dalam puisi yang diciptakan oleh penyair Barat dan penyair Nusantara sejauh ini belum banyak dilakukan. Dengan demikian pengkaji mengambil kesempatan ini untuk melakukan kajian yang sedemikian, yang bertajuk: “Ungkapan Puitika Romantik Melalui Penggunaan Simbol: Perbandingan Puisi John Keats dan Sanusi Pane.”

Kajian ini merupakan kajian perbandingan antara dua kumpulan karya puisi yang ditulis oleh dua orang penyair iaitu penyair romantik Inggeris John Keats (1795 - 1821) dan penyair romantik Indonesia Sanusi Pane (1905 - 1968). Kajian ini akan mengkhususkan kepada pembahasan puitika romantik. Sebagai penyair romantik, kedua-dua penyair tentunya memiliki karya sastra yang mencerminkan puitika romantik. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua penyair juga memiliki wawasan atau renungan tersendiri walaupun tidak jauh lari daripada cerminan zamannya. Pengkaji yakin bahawa puitika romantik tetap tersirat di dalam puitika kedua-dua penyair itu. Pembahasan terhadap puitika romantik ini tidak terlepas kaitannya daripada simbol. Simbol yang digunakan di dalam puisi pilihan kedua-dua penyair merupakan ungkapan puitika yang dimiliki oleh kedua-dua penyair tersebut.

Secara am Romantisisme mewujudkan ciri-ciri khusus seperti minat pada alam semula jadi dan cara hidup yang sederhana, perhatian pada kepercayaan asli, penekanan pada kespontanan dalam fikiran dan tindakan, individualismenya, subjektifismenya, peri pentingnya perasaan, kegunaan imejan yang simbolik, minat kepada abad pertengahan dan mitologi klasik. Secara sedar, ciri-ciri tersebut dapat dirasakan dalam karya penulis Romantik. Bagi kaum Romantik selain itu imaginasi adalah asas yang amat penting dalam

penulisan.<sup>6</sup> Penulis Romantik memandang dengan mata imajinasi, dan dengan itu mereka dapat melihat, menjangkau kebenaran kepada keunggulan yang sedia ada di dalam batin. Mereka menggunakan imajinasi sebagai pusat penjelmaan perasaan mereka yang terbungkus disebabkan keadaan dan situasi pada saat mereka hidup dan berkarya. Melalui imajinasi, mereka dapat menggambarkan waktu dan tempat yang lain yaitu ke masa lampau, masa hadapan, alam ghaib mahupun dunia syurgawi mereka.

Alam merupakan objek yang paling diminati oleh penulis Romantik Barat tetapi minat mereka terhadap mitologi Yunani klasik juga amat mendalam.<sup>7</sup> Ini ialah salah satu ciri penting yang dianuti oleh sebahagian besar daripada penyair Romantik, termasuk di antaranya John Keats. Bahasa puisi John Keats amat bervariasi. Dalam puisinya ia sering menggunakan bahasa mitologi, bahasa alegori abad ke-18, dan bahasa dengan bentuk seni bina.<sup>8</sup> Beliau juga selalu menggunakan istilah, nama-nama dari tokoh dan dewa-dewi Yunani. Oleh itu, muncul satu pertanyaan 'Mengapa beliau menggunakan nama-nama tersebut, dan apa maksud sebenarnya yang hendak disampaikan si penyair kepada pembaca?' Sudah pasti istilah, lambang, tokoh dan dewa-dewi Yunani melambangkan sesuatu yang mengandungi makna atau konotasi yang tinggi, sama ada dari segi latar belakang, sejarah, budaya, falsafah hidup mahupun puitika penyair.

Dalam "Ode to A Nightingale" beliau menggunakan perkataan '*embalm*' yang bererti pengawetan. Hal ini didasari oleh latar belakang pendidikan John Keats yang pernah menjadi calon doktor perubatan. Selanjutnya untuk melambangkan seorang wanita, beliau menggunakan simbol yang khas yang hanya dimiliki olehnya seorang. Dalam puisi "When I have Fears that I may cease to be," beliau menggunakan istilah '*fair creature of an hour*' untuk melambangkan seorang wanita.

<sup>6</sup>Menurut Perkins "Imagination is still an important aspect of English Romanticism" dlm. *The Quest for Permanence* (Cambridge: Harvard University Press, 1969), hal. 217.

<sup>7</sup>Douglas Bush di dalam bukunya *Mythology and The Romantic Tradition in English Poetry*, mengatakan "The revival of Greek Myth in Europe generally was an integral part of the Romantic reaction against a rationalistic and mechanistic view of the world and man." (New York: Pageant Book Co., 1957), hal. 3

<sup>8</sup>Helen Vendler., *The Odes of John Keats*, (Cambridge, Massachussets: The Belknap Press of Harvard University Press, 1983), hal. 10-1.

Dengan kekayaan bahasa yang dimilikinya, Keats dapat menghadirkan kepelbagaian simbol yang dapat memberi keindahan tersendiri terhadap puisinya. Oleh kerana itu untuk lebih mengerti makna yang tersirat di dalam puisi Keats, maka pembaca setidak-tidaknya perlu mengetahui latar belakang tentang mitologi Yunani, istilah perubatan dan menyelami bahasa perasaan mahupun memerhatikan simbol peribadi yang hanya dimiliki oleh Keats seorang. Dengan pemerhatian terhadap simbol inilah akhirnya dapat diketahui puitika John Keats.

Memandangkan kehebatan dan kekayaan idea yang dimiliki oleh Keats, khususnya dalam penggunaan simbol maka muncullah satu pertanyaan: 'Adakah dan siapakah penyair lain di Nusantara ini yang boleh disamakan dengan beliau?' Pengkaji berasa yakin bahawa ramai penyair yang setaraf dengan Keats, bahkan boleh dibandingkan dengan beliau. Dalam hal ini pengkaji cenderung memilih penyair Indonesia untuk dibandingkan. Tokoh yang dianggap sesuai untuk dibandingkan adalah Sanusi Pane, iaitu penyair romantik Indonesia yang terkenal pada tahun 1920-an hingga 1930-an.<sup>9</sup>

Huraian ringkas di atas menunjukkan bahawa Keats mengarahkan pandangannya ke Zaman Yunani Purba dan Zaman Pertengahan Eropah. Bagi Sanusi Pane pula, Zaman Indonesia Kuno dan Zaman India Purbalah arah pandangan yang dilayangkannya. Hal ini terbukti dari istilah, nama tempat, tokoh dan dewa-dewi yang merujuk kepada zaman Indonesia kuno dan mitologi India yang selalu hadir di dalam puisi

Sanusi Pane sebagai simbol yang memberi erti khusus. Kerap pula beliau menggunakan nama bunga, seperti bunga 'melati' dan 'teratai' di dalam puisinya. Bagi masyarakat Indonesia bunga 'melati' secara am melambangkan wanita. Bagi kaum India, bunga 'teratai' memiliki erti simbolis yang dalam, iaitu berhubungan erat dengan agama Hindu. Simbol-simbol puisi yang terdapat di dalam puisi Sanusi Pane jelas berlatar

---

<sup>9</sup>Pada masa ini sebahagian besar penyair Indonesia khususnya penulis *Pujangga Baru* dipengaruhi oleh aliran Romantik. Lihat H.B Jassin., *Pujangga Baru: Prosa dan Puisi* (Jakarta: C.V Haji Masagung, 1987), hal. 23-7. Lihat juga A. Teeuw., *Modern Indonesian Literature*, vol. I (Koninklijk Instituut Vor Taal-, Land- En Volkenkunde, The Hague - Martinus Nijhoff, 1979), hal. 41-5.

belakang falsafah Jawa dan India serta sejarah India mahupun Indonesia. Untuk itu sepatutnya perlu diambil kira agar isi kandungan puisi beliau tersebut dapat difahami.

Dengan mengetahui segala sesuatu yang berhubungan dengan latar belakang kedua-dua penyair tersebut, maka simbol yang digunakan oleh kedua-dua penyair dapat diapresiasi dengan baik sehingga makna puisi dapat difahami dengan lebih sempurna. Simbol sebagai bahasa puisi adalah perihal yang cukup sesuai untuk dikaji. Ini kerana tiap-tiap penyair menggunakan simbol untuk mengungkapkan isi hati dan fikiran mereka sehingga apa yang hendak disampaikan oleh kedua-dua penyair sudah pasti dapat mencerminkan wawasan ataupun renungan mereka sebagai penyair Romantik.

## 1.2 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk membandingkan puisi daripada dua orang penyair iaitu John Keats dan Sanusi Pane; dengan pembahasan khas kepada puitika romantik. Pengkaji ingin mengetahui pasti bentuk puitika romantik yang dimiliki oleh kedua-dua penyair. Kemudian pengkaji ingin mengetahui seberapa besarkah peranan simbol puisi dalam mengungkapkan puitika romantik kedua-dua penyair. Selanjutnya pengkaji ingin melihat adakah persamaan dan perbezaan puitika romantik yang tersirat melalui simbol puisi kedua-dua penyair.

Tujuan kajian ini tidak terlepas kaitannya dengan latar belakang sejarah, budaya dan pandangan hidup kedua-dua penyair. Justru itu pengkaji perlu membuat suatu kajian perbandingan terhadap kedua-dua penyair John Keats yang berasal dari Barat dan Sanusi Pane dari Timur, agar kajian kelak membuka tabir bagaimana latar belakang budaya dan pandangan mereka masing-masing berperanan dalam proses pengkaryaan.

## 1.3 Kepentingan Kajian

Sepanjang pengetahuan pengkaji, kajian perbandingan puisi John Keats dan Sanusi Pane, dengan pembahasan khas tentang puitika romantik yang terungkap melalui penggunaan simbol, belum pernah dilakukan. Kajian ini diharapkan dapat memberi



manfaat yang sebesar-besarnya bagi dunia kesusasteraan, khususnya kesusasteraan Inggeris dan Indonesia.

Secara khusus, manfaat yang dijangka dapat diperolehi dari kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut:-

Dengan membandingkan puisi kedua-dua penyair ini, pengkaji yakin bahawa kajian ini akan memberi sesuatu yang menarik kerana telah diketahui mengenai puitika romantik melalui puisi kedua-dua penyair dan ciri khas simbol yang digunakan oleh kedua-dua penyair tersebut.

Dengan adanya kajian ini diharapkan masyarakat pencinta sastera boleh mengetahui kekayaan yang dimiliki oleh kedua-dua penyair sama ada dalam hal puitika mahupun simbol-simbol puisi yang digunakan. Dengan munculnya kajian ini, diharapkan perkembangan kesusasteraan Melayu Indonesia dan Malaysia akan lebih sihat dan mencabar, terutamanya dalam membandingkan diri dengan kesusasteraan asing atau menerokai ke dalam diri sendiri untuk mendapatkan penemuan baru yang lebih bermakna.

#### **1.4 Bidang Kajian**

Kajian ini mencakupi bidang kesusasteraan bandingan yang terbatas kepada puitika romantik yang terungkap melalui penggunaan simbol, yang tertumpu kepada perbandingan antara dua kelompok karya sastera iaitu puisi yang ditulis oleh penyair John Keats dan Sanusi Pane.

Dalam membandingkan puisi kedua-dua penyair, pengkaji tidak menggunakan bentuk kajian yang bersifat genetik (asal usul) tetapi menggunakan kajian keselarian atau afiniti. Dalam hal ini pengkaji tidak mengkaitkan adanya hubungan diantara satu karya sastera dengan karya sastera lainnya atau hubungan satu karya dengan konvensi atau tradisi sastera, baik yang bersifat historis ataupun kultural, melainkan terjadi secara kebetulan. Kajian ini dilakukan untuk melihat dan mencari persamaan-persamaan pada kedua karya sastera yang dihasilkan oleh dua penyair dari dua benua yang berbeza.

Merujuk kepada A. Owen Aldridge, kesamaan dimaksud adalah persamaan-persamaan dalam stilistika, struktur, suasana, atau buah fikiran di antara dua karya yang tidak memiliki kaitan.<sup>10</sup> Kemungkinan terdapatnya pelbagai persamaan puitika romantik yang tersirat melalui simbol puisi daripada karya mereka bukanlah bererti adanya unsur pengaruh mempengaruhi di antara kedua-dua penyair tersebut tetapi hal ini disebabkan oleh 'semangat zaman' iaitu zaman yang unsur-unsur romantik amat berperanan pada masa itu. Di lain pihak, apabila terdapat adanya perbezaan puitika diantara kedua-dua penyair maka hal itu disebabkan kerana perbezaan latar belakang kedua-dua penyair yang berasal dari Barat dan Timur.

### 1.5 Batasan Kajian

Semasa hidupnya, John Keats telah banyak menulis karya sastera, baik berbentuk soneta, ode, balada romantik, puisi naratif, surat-surat berbentuk prosa mahupun karya sasteranya yang berbentuk drama. Sedangkan Sanusi Pane menulis dua kumpulan puisi, sepuluh buah puisi eceran yang terdapat di pelbagai majalah, lima karya berbentuk drama, satu prosa berirama, beberapa karya terjemahan, esei dan berkarya dalam bidang ilmu pengetahuan, khususnya sejarah Indonesia.

Untuk kajian perbandingan ini, pengkaji akan mengambil kira semua puisi John Keats, sementara bagi kajian puisi Sanusi Pane, pengkaji akan merujuk kepada dua kumpulan puisi beliau. Untuk kajian puisi John Keats, pengkaji memilih empat puisi sedangkan untuk puisi Sanusi Pane, pengkaji memilih sepuluh puisi yang terdiri dari empat puisi dari *Puspa Mega* (1927)(PM) dan enam puisi dari *Madah Kelana* (1957)(MK). Kemudian empat puisi John Keats akan dibandingkan dengan sepuluh puisi Sanusi Pane. Karya prosa Keats seperti surat-surat yang ditujukan kepada kekasihnya, saudaranya dan teman-temannya tidak dibahas secara khusus tetapi boleh dianggap penting untuk dihubungkan dengan pembahasan puitika. Demikian halnya

---

<sup>10</sup> Aldridge, A Owen., *Comparative Literature: Matter and Method* (Urbana: University of Illinois Press, 1969), hal. 3.

dengan esei-esei mahupun karya Sanusi Pane dalam bidang ilmu pengetahuan tidak dibincangkan secara khusus dalam pembahasan puitika tetapi cukup penting untuk dikaitkan.

Dari seluruh puisi yang dicipta oleh Keats dalam jangka masa tujuh tahun, pengkaji hanya memilih empat buah puisi sahaja untuk diteliti. Melalui empat puisi tersebut pengkaji berandaian bahawa Keats telah mencurahkan kesatuan idea dari wujud peribadi Keats. Oleh itu, pembahasan terhadap empat puisi ini diharapkan dapat memberi gambaran akan makna puisi dan kandungan puitika yang tersirat daripada simbol-simbol puisi kedua-dua penyair.

Bagi kajian puisi Sanusi Pane pula, sepuluh puisi yang dipilih dianggap memadai untuk dikaji. Selain menulis *Puspa Mega* dan *Madah Kelana*, beliau juga menulis puisi eceran tetapi setelah *Madah Kelana*, beliau tidak lagi produktif menulis puisi tetapi produktif dalam penulisan drama. Pengkaji hanya menumpukan kepada sepuluh puisi yang di dalamnya mengandungi puitika romantik si penyair yang terungkap melalui perkataan-perkataan yang melambangkan sesuatu dan memberi erti khusus.

Sementara itu, pengkaji yakin bahawa sepuluh puisi Sanusi Pane boleh dianggap selaras untuk dibandingkan dengan empat puisi John Keats. Jika ditinjau dari segi kuantiti, maka pengkaji mendapati hampir sebahagian dari puisi yang dicipta oleh Sanusi Pane dapat dikategorikan sebagai puisi pendek sedangkan puisi yang dicipta oleh John Keats sebahagian besar adalah puisi panjang. Tetapi pengkaji menyampingkan peranan segi kuantiti dan lebih mengutamakan peranan isi. Dari segi isinya, pembicaraan ini hanya dihadkan pada aspek puitika khususnya puitika romantik yang tersirat melalui simbol puisi.

## 1.6 Bahan Kajian

Bahan utama kajian ini terdiri daripada puisi-puisi yang berikut:

### 1.6.1 Puisi-puisi John Keats:-

- (i) "When I have fears that I may cease to be"
- (ii) "Ode to a Nightingale"
- (iii) "Bright star! Would I were steadfast as thou art"
- (iv) "The day is gone, and all its sweets are gone!"

### 1.6.2 Puisi-puisi Sanusi Pane:-

Puisi-puisi Sanusi Pane terdiri daripada dua kumpulan puisi iaitu:-

- (i) Puisi kumpulan *Puspa Mega*:-
  - "Kenangan"
  - "Di Lingkungan Adat Lembaga"
  - "Ingin Lupa"
  - "Tanah Karang"
- (ii) Puisi kumpulan *Madah Kelana*:-
  - "Teratai"
  - "Tadj Mahal"
  - "Melati"
  - "Dibawa Gelombang"
  - "Doa"
  - "Sjiwa Nataradja"

## 1.7 Kriteria Pemilihan Bahan Kajian

Pemilihan bahan kajian yang dinyatakan dalam 1.6 di atas adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:-

- (i) Puisi yang dipilih ialah puisi yang memiliki perkataan-perkataan ataupun istilah yang memberi gambaran sesuatu ataupun mengandungi gambaran di sebalik perkataan itu. Sesuatu perkataan yang terdapat di dalam teks sastera mungkin dilihat sebagai simbol mungkin juga tidak. Ini terpulang kepada bagaimana seseorang menginterpretasikannya. Untuk itu pengkaji tidak akan membahas perkataan mahupun istilah yang tidak mengandungi unsur simbolik.
- (ii) Puisi dipilih berdasarkan kreativiti penyair dalam ciptaannya. John Keats menulis cukup banyak puisi semasa hayatnya tetapi hanya dalam jangka waktu yang begitu singkat iaitu selama tujuh tahun sahaja. Pengkaji hanya memilih empat puisi Keats untuk dibahas kerana pengkaji menganggap bahawa puisi-puisi tersebut merupakan wakil daripada keseluruhan puisi beliau yang sudah tentu merupakan cerminan daripada idea beliau. Hal ini demikian kerana empat buah puisi pilihan tersebut dicipta dari masa awal, pertengahan dan hingga ke akhir hayatnya. Sementara itu Sanusi Pane hanya menulis dua kumpulan puisi, sebuah prosa liris dan sepuluh puisi eceran yang ditulis di pelbagai majalah. Selanjutnya pengkaji akan menumpukan kepada sepuluh puisi sahaja yang diambil dari kedua-dua kumpulan puisi *Puspa Mega (PM)* dan *Madah Kelana (MK)* kerana kedua-dua karya ini adalah karya besar beliau dalam bentuk puisi.
- (iii) Pemilihan tidak bertolak dari kuantiti puisi yang dihasilkan oleh kedua-dua penyair. Pengkaji mendapati bahawa hampir sebahagian daripada puisi yang ditulis oleh John Keats dapat dikategorikan sebagai puisi panjang seperti mana dinyatakan terdahulu. Dengan kata lain, John Keats menulis hampir 100 perkataan dalam empat belas baris pada tiap-tiap puisi yang diciptakannya. Apabila beliau menulis lebih daripada tujuh stanza maka banyaknya perkataan yang digunakan boleh mencapai 600 hingga 700 perkataan. Sementara itu sebahagian daripada puisi yang dicipta oleh Sanusi Pane dapat dikategorikan sebagai puisi pendek. Sebenarnya, puisi tersebut rata-rata hanya memiliki enam belas perkataan dalam lapan baris, hingga lima puluh empat perkataan dalam

empat belas baris. Hanya satu puisi panjang yang dicipta oleh beliau, iaitu “Sjiwa Nataraja” yang terdapat dalam kumpulan *Madah Kelana*. Puisi ini mengandungi 656 perkataan dalam 109 baris. Walaupun terdapat perbezaan kuantiti ini tetapi ia bukanlah merupakan hambatan ataupun penghalang bagi pengkaji untuk membandingkan puisi mereka. Dalam hal ini pengkaji hanya menitik-beratkan kepada isi ataupun kandungan dari puisi mereka bukan kepada kuantiti puisi. Dalam mengapresiasi sebuah karya sastera, perihal kuantiti ada baiknya dikesampingkan sebab kajian dijalankan bukan berasaskan panjang pendeknya sebuah puisi tetapi isi ataupun kandungan puisi yang mengandungi pandangan hidup, pemikiran dan wawasan atau renungan penyair diperlihatkan. Inilah yang menguatkan pengkaji untuk tidak menggunakan kuantiti puisi dalam membandingkan empat puisi John Keats dengan sepuluh puisi Sanusi Pane. Pengkaji beranggapan bahawa membandingkan empat puisi John Keats dengan sepuluh puisi Sanusi Pane adalah memadai untuk melihat puitika romantik yang dihasratkan.

### 1.8 Kaedah dan Pendekatan Kajian

Kajian utama yang digunakan dalam penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Pengkaji mengumpulkan data seperti puisi, sumber dan bahan-bahan tentang kedua-dua penyair. Dalam memilih puisi untuk perbandingan, pengkaji menggunakan kriteria-kriteria tertentu, seperti yang dijelaskan di bawah. Sedangkan pendekatan yang digunakan adalah pendekatan simbolik.

Kajian ini adalah kajian perbandingan antara penyair John Keats dan Sanusi Pane. Sebagai penyair yang memiliki latar belakang yang berbeza, tentunya kedua-dua penyair tersebut masing-masing memiliki pandangan yang tertentu dalam mengungkapkan perasaannya melalui karyanya. Oleh kerana itu, untuk lebih mengetahui apakah isi yang terkandung di dalam puisi mereka masing-masing maka kajian ditumpukan kepada pembahasan puitika yang cukup erat kaitannya dengan tradisi sosial budaya.

Melalui asas perbandingan ini pengkaji akan cuba menjawab semua pertanyaan tersebut melalui pembahasan puitika yang tersirat melalui simbol yang terdapat di dalam puisi kedua-dua penyair. Dalam membandingkan puisi kedua-dua penyair, pengkaji membahasnya tidak secara berasingan sebaliknya seiring.

## 1.9 Tinjauan Kajian Terdahulu

John Keats ialah penyair yang sangat dikenal di kalangan pengkaji dan peminat kesusasteraan terutama di Barat. Kajian tentang John Keats sudah pasti banyak dijalankan. Kebanyakan para pengkaji membincangkan tentang ilmu persajakannya (prosodi), ideanya tentang kebenaran dan persepsinya terhadap keindahan, tetapi secara khusus tidak membincangkan simbol. Mereka yang telah mengkaji karya John Keats adalah para pakar sastera dan sasterawan serta para intelektual yang bertujuan memperolehi gelaran Sarjana Sastera atau Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan. Diantaranya adalah John Joseph Pagano, yang menjalankan kajiannya dengan memperlihatkan pengakuan kembali oleh Keats ke atas kuasa ajaib imaginasi.<sup>11</sup> Andreas Antonio Rodriquez pula menjalankan kajiannya untuk memperoleh gambaran puitika Keats yang tersirat melalui surat-surat beliau.<sup>12</sup>

Sementara itu, Lilach Lachman dalam kajian perbandingannya menjelaskan hubungan antara komposisi dan representasi yang difokuskan kepada interaksi di antara waktu dan ruang sebagai dimensi-dimensi yang digambarkan oleh dunia.<sup>13</sup> Sebelumnya, Richard Arnold Hulseberg juga telah membandingkan Keats dengan Wordsworth.<sup>14</sup> Sedangkan L.G.V Alves menggabungkan Wordsworth, Coleridge, Keats dan Shelley untuk memperlihatkan teori dan amalan puitika daripada keempat

<sup>11</sup>J.J Pagano., "Enchantment and Imagination in The Poetry of Keats" (Doktor Falsafah, disertasi, Universiti Columbia, 1990), dlm. *International Abstract Dissertation*.

<sup>12</sup>A.A Rodriquez., "The Letters of John Keats: A Study of Poetics" (Doktor Falsafah, disertasi, Universiti California, Santa Cruz, 1990), dlm. *ibid*.

<sup>13</sup>Lilach Lachman., *Time and Space in The Romantic Long Poem: Keats's Hyperion poems and Wordsworth's The Prelude* (Doktor Falsafah, disertasi, Universiti New York, 1988), dlm. *ibid*.

<sup>14</sup>R.A Hulseberg, "The Validation of the self in Worsworth and Keats" (Doktor Falsafah, disertasi, Universiti Illinois, Urbana, Champaign, 1971), dlm. *ibid*.

penyair Romantik Inggeris tersebut.<sup>15</sup> Kajian perbandingan lainnya ada juga yang membandingkan Keats dengan Shelley dan juga dengan Shakespeare.

Kajian tentang Keats juga banyak dijalankan di Filipina. Di antaranya ialah kajian yang telah dijalankan oleh Leonidas V Benesa,<sup>16</sup> dan kajian yang dijalankan oleh Genaro M Lachica.<sup>17</sup> Menurut Lachica, kajian dijalankan untuk menepis prasangka menentang perihal yang berhubungan dengan membelai rasa yang merupakan ciri khas di dalam puisi Keats.

Di Indonesia pula, ada beberapa kajian tentang John Keats yang telah dijalankan, antaranya adalah kajian yang dikendalikan oleh Siti Badriah,<sup>18</sup> dan oleh Trace Oon.<sup>19</sup> Kajian perbandingan juga dijalankan oleh T.Sr.K.G Nainggolan iaitu membandingkan Keats dengan Amir Hamzah.<sup>20</sup> Kajian ini menggambarkan bagaimana kedua-dua penyair menjunjung tinggi akan keindahan yang dilukiskannya melalui puisi. Walau bagaimanapun kajian ini lebih menitik-beratkan kepada ungkapan perasaan kedua-dua penyair kepada kekasih mereka.

Sebagai penyair besar, dapat dipastikan bahawa karya-karya John Keats telah banyak dikaji oleh pengkaji dan peminat kesusasteraan di seluruh dunia. Ini berbeza dengan Sanusi Pane yang hanya dikenal di kalangan-kalangan tertentu sahaja. Sebagai penyair Indonesia yang terkenal pada awal zaman kesusasteraan moden atau lebih tepat di antara tahun 1920-an hingga 1930-an, karyanya dikenali oleh masyarakat Indonesia dan

<sup>15</sup>L.G.V Alves, "Poetic Theory and Practice in Wordsworth, Coleridge, Keats and Shelley with an Introduction on the 18 th C Poetic Theory" (Doktor Falsafah, disertasi., 1955), dlm. microfilm 40, *Senarai Disertasi Universiti Malaya*, (ed.) Fan Kok Sim, Kuala Lumpur.

<sup>16</sup>Leonidas V Benesa, "The Inner Meaning of John Keats's *Endymion*: A New Interpretation" (Sarjana Sastera., tesis, Ateneo de Manila, Manila, 1955), dlm. *PCAS Bibliography Series*., 1974, no. 1 (ed.) Catalina A Nemenzo.

<sup>17</sup>Genaro M Lachica, "Transcendental Sensations in The Poetry of John Keats" (Sarjana Sastera., tesis, Ateneo de Manila, Manila, 1954), dlm. *ibid*.

<sup>18</sup>Siti Badriah, "Connotative Difficulties in The Poetry of Keats" (Sarjana Sastera., tesis, Fakultas Sastera, Universitas Pajajaran, Bandung, 1965), dlm. *opcit.*, (ed.) Fan Kok Sim.

<sup>19</sup>Trace Oon, "Keats: His View on Beauty" (Sarjana Sastera, tesis, Fakultas Sastera., Universitas Pajajaran, Bandung, 1968), dlm. *ibid*.

<sup>20</sup>T.St. Kalimuda Gultom Nainggolan, "Keats and Amir Hamzah as Romantic Poets in Their Sense of Beauty" (Sarjana Sastera., tesis, Fakultas Sastera, Universitas Indonesia, Jakarta, 1973).



masyarakat Belanda, baik yang berada di tanah air mahupun di negara Belanda sendiri. Beliau juga amat dikenali di Malaysia.

Banyak juga pengkaji yang telah melakukan penyelidikan terhadap karya puisinya mahupun dramanya. Antaranya termasuklah Harry Aveling (1972),<sup>21</sup> Abdul Hadi W.H (1981)<sup>22</sup> dan Emuh Herman Sumantri (1977).<sup>23</sup> Dramanya yang bertajuk *Sandhyakala ning Majapahit* juga telah diteliti oleh Ikhwanuddin (1987).<sup>24</sup> Sedangkan J.U Nasution (1963) membahas karya-karya si penyair baik karya puisi mahupun drama beliau.<sup>25</sup> Nasution menganalisis unsur-unsur yang terdapat di dalam puisi Sanusi Pane, pengaruh di dalam teknik pembentukannya dan idea-idea yang terkandung di dalam karya Sanusi Pane. Dalam mengkaji karya drama beliau, Nasution cuba membahasnya berdasarkan teori-teori dasar drama. Nasution juga memberi penjelasan sedapat mungkin tentang istilah asing yang digunakan Sanusi Pane di dalam karyanya, lalu menterjemahkannya ke dalam bahasa Indonesia. Selanjutnya Nasution memberi nota istilah asing pula pada karya Sanusi Pane yang berbahasa Indonesia.

Kajian perbandingan ini adalah kajian yang berbeza dengan kajian yang telah dilakukan sebelumnya. Ia khusus membahaskan puitika yang diungkapkan melalui penggunaan simbol di dalam puisi kedua-dua penyair John Keats dan Sanusi Pane. Ungkapan puitika, khususnya puitika romantik, tersirat di dalam tiap-tiap puisi mereka dapat menjawab dan menjelaskan makna simbol yang hendak disampaikan. Pengkaji

<sup>21</sup>Harry Aveling., "An Alternative Reading of Sanusi Pane's "Sajak" dlm. *Bijdragen Tot De Taal-, Land- En Volkenkunde*-Deel 128 (S-Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1972), hal. 191-3.

<sup>22</sup>Abdul Hadi W. H., "Sanusi Pane: Penyair, Mistik dan Puisinya." Jakarta, Disember 1981. Kertas kerja ini berupa foto stet dan saya peroleh dari Bapak Abdul Hadi.

<sup>23</sup>Emuh Herman Sumantri, "Analisa dan Sintesa *Madah Kelana*" (Sarjana Sastera., tesis, Fakultas Sastera, Universitas Pajajaran, Bandung, 1977), dlm. *opcit*.

<sup>24</sup>Ikhwanuddin, "*Sandhyakala ning Majapahit: Satu Kajian Struktural*" (Sarjana Sastera., tesis, Fakultas Sastera, Universitas Sumatera Utara, Medan, 1987).

<sup>25</sup>Menurut Nasution, jika melihat karya Sanusi Pane didapati adanya faham yang saling bertimpang tindih iaitu pada mulanya romantik muda, kemudian romantik yang lebih mendalam lalu romantik yang berpadu dengan realisme. Karya beliau merupakan wadah dari ketenangan timur dan kegelisahan barat. Di samping bangunan purba yang indah, terdapat mesin menderu dari abad moden. Di samping duka cita dan kemurahan, ditemui adanya kegembiraan. Jadi karya beliau mencerminkan pelbagai aliran yang saling berpadu sehingga mencapai harmoni. Lihat J.U Nasution., *Pujangga Sanusi Pane* (Jakarta: Gunung Agung, 1963).

yakin bahawa karya John Keats dan Sanusi Pane belum pernah dibandingkan sebelumnya.

### 1.10 Pendekatan Simbolik

Simbol mempunyai peranan penting dalam teks-teks sastera, terutama teks puisi. Telah dijelaskan sebelumnya bahawa penggunaan simbol di dalam puisi merupakan salah satu wahana puitika romantik kedua-dua penyair John Keats dan Sanusi Pane. Oleh itu pengkaji perlu menerapkan suatu langkah atau cara untuk memahami simbol puisi. Ini penting agar makna yang tersirat di dalam puisi dapat dimengerti. Namun sebelum cara tersebut dibahas lebih lanjut, terlebih dahulu perlu diberi penjelasan tentang pengertian simbol.

Perkataan 'simbol' yang berasal dari perkataan Yunani *symbolon* bermaksud 'tanda.'<sup>26</sup> Definisi umum untuk simbol ialah lambang, sesuatu yang berasaskan perjanjian atau konvensi yang merujuk kepada gagasan atau pengertian tertentu. Tanda lalu lintas adalah simbol. Namun, pengertian simbol dalam sastera berbeza dengan pengertian dalam konteks bukan sastera. Simbol dalam teks sastera selalu menghadapkan kita pada makna yang mengacu kepada makna lain. Sesuatu dalam teks sastera mungkin dilihat sebagai simbol, mungkin juga tidak, terpulang kepada interpretasi. Apa yang diungkapkan oleh Coomaswamy berikut ini adalah bahawa simbol bermula dari sebuah perkataan dan perkataan itu tidak akan bererti apabila tidak dipahami, baik dari segi erti katanya, kategori makna atau sejarahnya.

*Words are never meaningless by nature, though they can be used irrationally for merely aesthetic and nonartistic purposes; all words are by first intention signs or symbols of specific referents. However, in any analysis of meaning, we must distinguish the literal and categorical or historical significance of words from the allegorical meaning that inheres in their primary referents: for while words are signs of things, they can also be heard or read as symbols of what these things themselves imply.*<sup>27</sup>

<sup>26</sup> Alex Preminger (ed.), *Princeton Encyclopedia of Poetry and Poetics* (New Jersey: Princeton University Press, 1974), hal.833.

<sup>27</sup> Ananda K. Coomaswamy, "Literary Symbolism" dlm. Roger Lipsey (ed.), *Coomaraswamy* (New Jersey: Princeton University Press, 1977), hal. 323.

Maksud sesuatu simbol biasanya tidak persis sama dengan makna asalnya (*denotative meaning*) atau makna mengikut kamus. Malah, makna bagi simbol berkenaan bersifat konotatif dan melambangkan gambaran imaginasi dalam bentuk saranan (*suggestion*). Dengan kata lain, kata-kata yang dijadikan simbol itu selain daripada memberi makna leksikonnya juga membayangkan maksud yang menyaranan gambaran secara mendalam. Ia merupakan unsur bagi bahasa ciptaan (*artificial language*) yang dilahirkan daripada mata ketiga si penyair. Hal ini dikenali sebagai *inward eye* yang mampu melihat apa sahaja dengan mendalam, luar biasa dan dengan wawasannya tersendiri.

Penggunaan simbol dalam sastera merupakan satu teknik penggambaran untuk memaparkan gambar (*mental picture*) penyair berkenaan. Penggunaannya merupakan sifat objektif dan kekal. Simbol dalam sastera mencetuskan perasaan penyair dan ia juga menambah keindahan bahasa. Simbol merupakan objek atau benda yang bernilai kerana ia dapat ditentukan oleh keadaan atau peristiwa melalui perwujudannya sebagai warna, benda lain ataupun suasana. Dengan adanya simbol, penyair dapat mengeluarkan idea dan emosi tanpa menghuraikannya secara langsung. Bagi pembaca pula, mereka langsung tidak diberitahu tentang apa yang dilambangkan. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa puisi simbolik tidak dapat lari daripada mengandungi kekaburan sendiri. Kesamaran yang disengajakan ini ialah supaya penglihatan pembaca boleh berfokus jauh daripada kebenaran untuk merenung idea pokok.<sup>28</sup>

Simbol dalam kesusasteraan dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu simbol konvensi dan simbol khusus. Simbol-simbol konvensi adalah simbol-simbol yang termaklum dan dipersetujui serta difahami umum, atau diwariskan dari satu generasi kepada satu generasi seterusnya. Contoh bagi simbol-simbol konvensi ini adalah seperti warna putih yang diakui umum sebagai kesucian atau perempuan yang suci; warna merah yang dilambangkan sebagai darah atau kepanasan, nafsu dan sebagainya; warna biru yang memberi erti ketinggian; bunga teratai yang memberi erti sebagai kesucian; mawar

<sup>28</sup>Charles Chadwick, *Symbolisme* (terj.) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hal 5.

merah yang memberi makna sebagai cinta; dan burung merpati yang dianggap sebagai kedamaian.

Simbol-simbol khusus pula diciptakan oleh individu ataupun kelompok masyarakat yang memiliki erti tersendiri untuk dirinya atau untuk masyarakat berkenaan. Misalnya, warna merah yang dijadikan contoh dalam simbol konvensi di atas mungkin juga boleh dijadikan simbol bagi sistem pemerintahan komunis, manakala warna biru boleh berubah menjadi makna bagi orang-orang atasan atau keturunan bangsawan. Simbol-simbol khusus inilah yang menyebabkan timbulnya kesukaran untuk mengapresiasi puisi moden pada zaman sekarang. Walau bagaimanapun, dengan memahami latar belakang penyair berkenaan, keadaan persekitaran, suasana ketika puisi diciptakan maka adalah lebih mudah untuk mengapresiasi puisi yang penuh dengan simbol khusus tersebut.

Simbol merupakan suatu objek atau benda yang bernilai kerana ia dapat ditentukan oleh keadaan atau peristiwa melalui perwujudannya sebagai benda lain, warna, ataupun suasana yang dipandang sebagai peristiwa yang istimewa, bukan hanya suatu peristiwa sepintas sahaja.

Dalam semiotika, simbol merupakan tanda atau sesuatu yang berdasarkan persetujuan atau konvensi merujuk kepada apa yang ditandakan. Di dalam teori sastera, simbol sebaliknya dipakai sebagai objek yang merujuk pada objek lain, tetapi juga mendesak perhatian pada dirinya sendiri sebagai suatu kewujudan, seperti yang terungkap di dalam kutipan berikut ini,

*... it seems a desirable that the word should be used in this sense: as an object which refers to another object but which demands attention also in its own right, as a presentation.*<sup>29</sup>

Sebagai satu bahan kajian, ia perlu didekati dengan cara dan perhatian yang bersesuaian. Ia perlu ditelusuri sedalam-dalamnya untuk memperoleh objek yang berada

---

<sup>29</sup>Rene Wellek dan Austen Warren, "Image, Metaphor, Symbol, Myth" dlm. *Theory of Literature* (New York: Harcourt, Bracc, Jovanovich, 1977), hal. 189.

di sebalik objek lain. Objek yang diguna sebagai simbol perlu ditafsir untuk memperoleh makna yang tersembunyi di sebaliknya. Inilah yang dinamakan pendekatan simbolik.

Pendekatan simbolik ini erat kaitannya dengan kaedah memahami karya-karya yang dikenal sebagai 'transendental.' Jauh sebelum teori tentang simbolisme digunakan, Sir Thomas Browne telah mengatakan tentang ini melalui ungkapan '*Then sun itself is the dark simulacrum, and light is the shadow of God*'.<sup>30</sup> Pada dasarnya kaedah ini merujuk kepada cara dan gaya tafsiran *Platonic* yang akhirnya diamalkan oleh Swedenborg pada abad ke-18. Selanjutnya kaedah ini berkembang dan kemudian diungkapkan oleh Baudelaire di dalam *Notes Nouvelles sur Edgar Poe* sebagai *a travers la poesie*. Beliau menjelaskan melalui ungkapannya sebagai berikut: '*Through poetry the soul perceives 'les splendeurs situees derriere le tombeau*'.<sup>31</sup> Baudelaire dan para pengikutnya menciptakan imej penyair sebagai peramal. Seorang pengkaji juga harus menjadi seorang peramal; untuk itu ia harus mengasuh jiwanya agar dapat menembus dunia literal dan masuk ke sebuah dunia imajinatif. Melalui pendekatan ini pengkaji dapat mengetahui makna simbolik yang terkandung di dalam puisi tersebut.

Kajian ini juga didasarkan pada konsep bahawa simbol diletakkan sebagai wahana penyampai pesan dalam komunikasi sastera. Dalam proses komunikasi sastera, simbol digunakan oleh penyair untuk menyampaikan wawasan keindahan si penyair secara tersirat. Mengikut Coomaswamy,

*Symbols and signs, whether verbal, musical, dramatic or plastic, are means of communication. The references of symbols are to ideas and those of signs to things.*<sup>32</sup>

<sup>30</sup>J.A. Cuddon, "Romanticism" dlm. *opcit*, hal. 656.

<sup>31</sup>*ibid.*, hal. 657.

<sup>32</sup>Ananda K. Coomaswamy, "Symbols" dlm. *What is Civilisation* (Golgonooza Press, 1989), hal. 126.

Sebuah simbol lebih merujuk kepada idea atau gagasan yang diletakkan sebagai salah satu wahana penyampai pesan dalam komunikasi sastera. Untuk memahami simbol, pengkaji perlu melakukan suatu pendekatan yang tentunya didasarkan pada konsep bahawa simbol di dalam komunikasi sastera itu memiliki hubungan pertalian di antara simbol dengan kehidupan manusia. Simbol diciptakan oleh pihak pencipta atau penutur untuk membawa pesan dalam situasi komunikasi tertentu kepada pihak pembaca atau penanggap. Oleh itu terjadilah hubungan komunikasi di antara si penutur dengan si penanggap. Agar komunikasi di antara keduanya tercapai, simbol bukan sahaja dilihat dari sudut sejarah atau erti kata, tetapi juga harus ditafsirkan secara hermeneutik atau kerohanian, seperti yang diungkapkan oleh Coomaraswamy,

*...if we are to understand what the expressive writing intends to communicate, we cannot take it only literally or historically, but must be ready to interpret it hermeneutically.*<sup>33</sup>

Komunikasi juga akan tercapai jika simbol lebih difikirkan dan dipelajari dengan baik dan sungguh-sungguh. Walaupun simbol tersebut terdapat di dalam karya sastera dari pelbagai negara tetapi jika ia ditelusuri dengan teliti maka ia akan mudah difahami.

*Whoever wishes to understand the real meaning of these figures of thought that are not merely figures of speech must have studied the very extensive literatures of many countries in which the meanings of symbols are explained, and must himself have learned to think in these terms.*<sup>34</sup>

Simbol dengan sendirinya tidak menunjukkan sesuatu yang dilambangkan. Untuk itu pengkaji akan mencuba menghubungkan simbol dengan apa yang dilambangkan dengan cara membuka ataupun mengoyak simbol tersebut dan kemudian menerobos masuk ke dunia bayang-bayang dan menyelami makna simbol tersebut. Kerana sifatnya yang demikian maka pendekatan simbolik sememangnya merupakan cara yang tepat

<sup>33</sup> Ananda K. Coomaraswamy, "Literary Symbolism" dlm. *opcit.*, hal. 324.

<sup>34</sup> *ibid.*, hal. 330.

untuk menjalankan kajian ke atas puisi John Keats dan Sanusi Pane ini. Melalui pendekatan simbolik diharapkan keseluruhan idea atau gagasan kedua-dua penyair berkenaan akan dapat terungkap dengan baik.

\*\*\*\*\*

## BAB II

### ROMANTISISME DALAM KESUSASTERAAN INGGERIS DAN KESUSASTERAAN INDONESIA

#### 2.1 Pendahuluan

Disebabkan pendekatan puisi ciptaan kedua-dua penyair tersebut dapat digolongkan ke dalam aliran Romantisisme maka dalam bab ini adalah wajar kiranya konsep, ciri-ciri dan pergerakan aliran romantisisme di bahagian Barat, khususnya di Jerman, Perancis dan England; dan diikuti oleh pergerakan karyawan Indonesia diperbincangkan terlebih dahulu.

#### 2.2 Konsep Romantisisme

Perkataan “romantik” berasal daripada perkataan “*romance*” yang merujuk kepada satu bahasa yang berasal yang diturunkan daripada bahasa basahan Latin (*colloquial Latin*) pada abad ke-5 hingga ke-9.<sup>35</sup> Setelah itu makna perkataan “*romance*” telah mengalami penambahan makna untuk merujuk kepada “karya sastera pada Zaman Pertengahan”<sup>36</sup> sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi yang menceritakan kebijaksanaan watak utama dalam legenda yang mempunyai kuasa ghaib, luar biasa daripada manusia biasa. Jika watak utama itu adalah lelaki maka akan gagah perkasa, sangat berani menghadapi segala bahaya. Jika watak utama itu adalah perempuan, maka akan paling cantik jelita tiada bandingan. Ceritanya juga luar biasa seperti dalam percintaan kedua-dua pasangan sanggup berkorban nyawa demi kesetian. Banyak yang beranggapan bahawa perkataan “*romance*” ini adalah berkaitan dengan percintaan sahaja. Ini adalah satu kesalahfahaman terhadap komponen makna perkataan tersebut. Sebenarnya, apa sahaja yang mempunyai keajaiban dapat disifatkan sebagai romantik. Golongan romantik adalah golongan yang ingin lari daripada hidup biasa ke alam yang

<sup>35</sup>“Romance Languages”, Microsoft (R) Encarta. Copyright (c) 1994 Microsoft Corporation. Copyright (c) 1994 Funk & Wagnalls Corporation.

<sup>36</sup>“Romance”, dlm. *ibid.*